

**KAJIAN TINJAUAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOKURIKULUM SECARA  
DALAM TALIAN (PDPR) BAGI KURSUS MPU3062 KOKURIKULUM -  
UNIT BERUNIFORM**

Chin Satt Fung  
Syibin Bin Japar  
Low Kee Sun  
Ahmad Fauzi Bin Mohd Satnih  
Ainon Binti Hadim  
Institut Pendidikan Guru Kampus Kent Tuaran  
sattfungchin@yahoo.com

**ABSTRAK**

*Kajian tinjauan ini bertujuan untuk melihat impak pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdPR) dalam talian semasa situasi pandemik bagi kursus MPU3062 Kokurikulum - Unit Beruniform Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (PISMP) Ambilan Jun 2020. Responden terdiri daripada 233 orang ahli Unit Beruniform Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM), Pandu Puteri Kadet (PPK), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Persatuan Puteri Islam Malaysia (PPIM) dan Kadet Remaja Sekolah (KRS). Reka bentuk kajian ialah kajian tinjauan secara kuantitatif. Instrumen soal selidik terdiri daripada empat bahagian dan 43 item pernyataan telah disediakan dalam skala 5 poin Likert untuk melihat persetujuan responden. Soal selidik dibina dalam bentuk google form. Instrumen kajian telah diuji pekali kebolehpercayaan alfa Cronbach dan berada dalam keadaan yang memadai. Data dianalisis secara statistik deskriptif, statistik frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan penguasaan ilmu pengetahuan asas UB, penguasaan kemahiran amali UB, amalan pelaksanaan UB serta isu dan cabaran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran UB dalam talian berada pada tahap sangat berkesan. Namun aspek internet perlu diberi perhatian memandangkan penyesuaian pelajar menghadapi situasi baharu dalam melaksanakan PdPR. Sebahagian pelajar menghadapi masalah dalam mengekkses internet dan masalah kewangan dalam langganan talian internet.*

**Kata kunci:** *Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPR), Unit Beruniform (UB), Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*

## PENDAHULUAN

Buku Panduan Akademik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian (PISMP) (2017) menyatakan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) sebagai Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru telah diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan guru siswazah sekolah rendah dan menengah yang terlatih. Misi utama Institut Pendidikan Guru (IPG) ialah melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia.

Justeru itu, latihan perguruan di Institut pendidikan Guru berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menitikberatkan perkembangan guru yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Program pendidikan guru juga menawarkan kursus MPU3062 Kokurikulum - Unit Beruniform sebagai kursus umum yang wajib dipelajari oleh setiap pelajar Institut IPG. Ia bertujuan untuk membantu mengembangkan pelbagai potensi kognitif, efektif dan psikomotor pelajar secara menyeluruh dan bersepadu. Kokurikulum adalah aktiviti pembelajaran tidak formal yang berteraskan keperluan pelajar mengalami sendiri aktiviti-aktiviti kependidikan dalam keadaan sebenar.

Menurut Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) MPU3062 Kokurikulum – Unit Beruniform (2021) menyatakan Kokurikulum – Unit Beruniform merupakan kursus amali sepenuhnya. Pada akhir kursus pelajar dinilai melalui amali Perkhemahan Unit Beruniform. Hasil pembelajaran kursus adalah bertujuan untuk membolehkan pelajar menyediakan perancangan orientasi unit beruniform sekolah dan mengaplikasikan kemahiran kepemimpinan dalam pengurusan serta persiapan perkhemahan unit beruniform.

Pelajar perlu mempamerkan kemahiran asas dalam aktiviti semasa perkhemahan unit beruniform secara individu dan berkumpulan. Dalam Buku Panduan Pentaksiran Institut Pendidikan Guru Malaysia (2022) menyatakan Pentaksiran Akhir Amali kursus MPU3062 Kokurikulum - Unit Beruniform ditaksir secara Ujian Amali Tidak Berpusat yang ditadbir oleh IPG kampus masing-masing. Ujian Amali dilaksanakan berteraskan kemahiran untuk mengukur kebolehan pelajar semasa mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dalam bentuk penguasaan kemahiran psikomotor, kemahiran insaniah, dan kreativiti. Ujian Amali dilaksanakan bagi kursus-kursus yang berkaitan seperti ditetapkan dalam Ringkasan Maklumat Kursus (RMK). Kemahiran-kemahiran tersebut harus dipamerkan secara langsung semasa ujian amali dijalankan atau melalui penghasilan produk.

Namun Pada Februari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan situasi pandemik akibat penularan virus korona yang

menyebabkan penularan wabak COVID-19. Susulan daripada itu, kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seluruh negara bermula pada 18 Mac 2020. Institut Pendidikan Guru Malaysia telah memutuskan agar semua pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara dalam talian untuk menggantikan pengajaran dan pembelajaran bersemuka. Pelaksanaan yang komprehensif secara tiba-tiba menyebabkan pensyarah dan pelajar tidak bersedia. Malah terdapat banyak kekangan yang belum dapat dikenalpasti dan perlu ditangani. Kawalan Pergerakan berlanjutan sehingga November 2021. Bagi kursus amali yang ditawarkan dengan mod bersemuka tidak dapat dijalankan. Alternatif pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian terpaksa dijalankan.

### **PENYATAAN MASALAH**

Dalam usaha untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan mengikut peringkat semester yang ditetapkan dalam struktur kursus yang ditawarkan, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dimanfaatkan sebaik-baiknya. Kursus MPU3062 Kokurikulum - Unit Beruniform dengan nilai kredit 2 merupakan kursus amali yang wajib diambil oleh pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2020. Kursus ini ditawarkan semasa Tahun 2 Semester 1. Jam interaksi diperuntukkan ialah 14 jam kuliah dan 44 jam amali termasuk perkhemahan 4 hari 3 malam sebanyak 28 jam.

Kaedah pelaksanaan kursus amali digantikan dengan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran amali secara dalam talian julung kali diadakan. Ketua Unit Kokurikulum, penyelarar Unit Beruniform dan para penasihat Unit Beruniform bermesyuarat untuk menyelarar pelaksanaan kursus MPU3062 Kokurikulum – Unit Beruniform dengan harapan matlamat dan objektif kursus tercapai. Para pelajar diberi taklimat demi taklimat tentang pelaksanaan kursus MPU3062. Penilaian kemahiran-kemahiran perlu diadakan sebagai pentaksiran akhir kursus. Para pelajar diminta menyediakan buku log PDF, digital atau Padlet dalam pelanta *google classroom*. Bagi aktiviti amali seperti simpulan dan ikatan, kawad kaki, masakan rimba, ikatan pertolongan cemas, dan mendirikan gajet, pelajar membuat rakaman video mengenai proses dan hasil kerja yang dilakukan. Penggunaan ICT untuk rakaman video dan penghasilan video merupakan satu cabaran bagi para pelajar. Terdapat sebilangan pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar menghadapi masalah capaian internet yang lemah turut merumitkan pembelajaran dan penghasilan rakaman video mengenai proses hasil tugas dan hasil tugas seperti pembinaan gajet, kawad kaki, jenis ikatan dan simpulan.

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian diaplikasi secara menyeluruh bagi kursus MPU3062 Kokurikulum – Unit Beruniform bermula 21 Jun 2021 hingga 22 Oktober 2021.

### **Objektif Kajian**

- i. Mengkaji keberkesanan PdPR penguasaan ilmu pengetahuan asas Unit Beruniform dalam talian bagi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020.
- ii. Mengkaji keberkesanan pelaksanaan amali kokurikulum Unit Beruniform dalam talian bagi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020.
- iii. Mengkaji amalan pembelajaran PdPR kokurikulum Unit Beruniform dalam talian bagi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020.
- iv. Mengkaji isu dan cabaran pelaksanaan PdPR dalam talian bagi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020.

### **Persoalan Kajian**

- i. Adakah penguasaan ilmu pengetahuan asas Unit Beruniform berkesan melalui PdPR bagi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020?
- ii. Adakah pelaksanaan amali kokurikulum Unit Beruniform dalam talian berkesan bagi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020?
- iii. Apakah amalan pembelajaran PdPR kokurikulum Unit Beruniform dalam talian bagi pelajar PSIMP Ambilan Jun 2020?
- iv. Adakah wujud isu dan cabaran dalam pelaksanaan PdPR Unit Beruniform dalam talian bagi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020?

## **SOROTAN LITERATUR**

Dasar TMK Institut Pendidikan Guru Malaysia (2016) mendefinisikan e-Pembelajaran adalah bentuk pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikan secara dalam talian melalui sistem rangkaian komputer bertujuan meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dasar Akademik Institut Pendidikan Guru (2018) menyatakan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk memudahkan cara proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Mad Noor dan Mohd Hanfiah (2012) Pengajaran dan pembelajaran (PdPR) dalam talian adalah konsep yang menintegrasikan teknologi maklumat di dalam sistem pengajaran dan pembelajaran.

Siti Azura et al. (2021) dalam kajian Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran

Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat mendapati tahap keberkesanan yang tinggi pembelajaran dan pengajaran dalam talian menyediakan peluang kepada generasi baharu dengan aktiviti pembelajaran dan komunikasi yang baik tanpa mengambil kira factor masa dan tempat.

Yusup (2012) dalam kajian Penggunaan e-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan telah membincangkan bahawa banyak kajian menunjukkan e-pembelajaran telah meningkatkan keberkesanan sistem pendidikan atau latihan pengajian tinggi (IPT) khususnya di institusi yang mengamalkan Pendidikan terbuka dan jarak jauh atau mengamalkan mod pembelajaran teradun. Dalam kajian ini turut membincangkan untuk menjadi seorang pengajar atau guru yang berkesan tujuh prinsip amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran program prasiswazah telah dicadangkan oleh Chinkering dan Gamson.

Kemunculan aplikasi web 2.0 seperti *blog, podcast, wikis, Facebook* dan *Youtube* telah membawa perubahan terhadap konsep dan kriteria e-pembelajaran web 1.0 yang pada peringkat awal lebih tertumpu kepada strategi penyebaran matlamat. E-pembelajaran 2.0 pula memberi penumpuan kepada aspek renungan dan komunikasi dan kolaborasi antara pelajar melalui penggunaan teknologi komunikasi. E-pembelajaran 2.0 menekankan aspek konstruksi dan perkongsian pengetahuan melalui kolaborasi antara pelajar di dalam suasana terbuka, tidak berstruktur dan bersifat social (Pattaniti & Cigognini, 2007 dalam Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN,2010).

Sistem pendidikan merupakan tunjang pembangunan sesebuah negara. Pendidikan akan menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada generasi muda bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan negara. Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia telah menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 sebagai panduan melaksanakann usaha transformasi sistem pendidikan kebangsaan secara menyeluruh. Kementerian telah mengenal pasti 11 anjakan yang perlu dilakukan bagi menghasilkan perubahan yang dihasratkan oleh semua rakyat Malaysia. Anjakan ketujuh iaitu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (PPPM, 2013).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan yang melibatkan ahli Unit Beruniform PISMP Ambilan Jun 2020. Instrumen kajian berbentuk soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A ialah Penguasaan Ilmu Pengetahuan Asas UB Secara Dalam Talian, Bahagian B ialah Penguasaan Kemahiran Amali UB Secara Dalam Talian, Bahagian C ialah Amalan Pelaksanaan UB Secara Dalam Talian

dan Bahagian D ialah Isu dan Cabaran Dalam Melaksanakan PdPR Secara Dalam Talian.

Bahagian A mengandungi 5 item kajian. Objektif kajian Bahagian A ialah untuk melihat keberkesanan Penguasaan Ilmu Pengetahuan Asas Unit Beruniform Secara Dalam Talian. Bahagian B mengandungi 10 item. Objektif kajian Bahagian B ialah untuk melihat keberkesanan Penguasaan Kemahiran Amali Unit Beruniform Secara Dalam Talian yang berfokus kepada perkhemahan dalam talian dan mendapat kemahiran baharu melalui pelaksanaan PdPR. Bahagian C mengandungi 15 item kajian. Objektif kajian Bahagian C ialah untuk melihat Amalan Pelaksanaan Unit Beruniform Secara Dalam Talian yang berfokus kepada kehadiran dan komunikasi, arahan dan bimbingan serta minat dan motivasi. Bahagian D mengandungi 13 item kajian. Objektif kajian Bahagian D ialah untuk melihat Isu dan Cabaran Melaksanakan PdPR Secara dalam Talian yang berfokus kepada pengurusan diri, bimbingan pensyarah serta kemudahan capaian internet dan kemudahan peralatan IT.

Instrumen kajian ini telah ditadbir secara *online* melalui *google form*. Responden telah diberi masa satu minggu untuk menjawab soal selidik.

### **Analisis Data**

Semua data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 21.0 dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Data yang dikumpul dalam kajian ini juga telah dianalisis dengan menggunakan perisian statistik '*Statistical Packages for Social Sciences (SPSS-PC) for Windows version 21.0*' untuk menentukan kebolehpercayaan bagi instrumen kajian yang digunakan.

Instrumen ini mempunyai pekali kebolehpercayaan alfa Cronbach 0.955. Nilai pekali kebolehpercayaan Alfa Cronbach ini adalah memadai. Menurut Stanley dan Hopkins (1972), satu instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi juga mempunyai kesahan yang tinggi.

Jadual 1: Skala Analisis Min Tahap Keberkesanan Kontrak A Penguasaan Ilmu Pengetahuan Asas UB dan Bahagian B -Penguasaan Kemahiran Amali UB Secara Dalam Talian

<b>Skala</b>	<b>Tahap Keberkesanan</b>
1.00 – 1.80	Sangat Tidak Berkesan (STB)
1.81 – 2.60	Tidak Berkesan (TB)
2.61 – 3.40	Sederhana Berkesan (SB)
3.41 – 4.20	Berkesan (B)
4.21 – 5.00	Sangat Berkesan (SB)

Jadual 2: Skala Analisis Min dan Tahap Persetujuan Bahagian C- Amalan Pelaksanaan UB Secara Dalam Talian dan Bahagian D- Isu Dan Cabaran Melaksanakan PdPR Secara Dalam Talian

Skala	Tahap Persetujuan
1.00 – 1.80	Sangat Tidak Setuju (STS)
1.81 – 2.60	Tidak Setuju (TS)
2.61 – 3.40	Tidak Pasti (TP)
3.41 – 4.20	Setuju (S)
4.21 – 5.00	Sangat Setuju (SS)

## Responden

Responden kajian terdiri daripada 233 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) ambilan Jun 2020. Pelajar ini terdiri daripada Unit Beruniform Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM), Pandu Puteri Kadet (PPK), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Persatuan Puteri Islam Malaysia (PPIM) dan Kadet Remaja Sekolah (KRS). Demografi sampel kajian adalah seperti berikut:

Jadual 3: Taburan Ahli Unit Beruniform

Unit Beruniform	Frekuensi	Peratus
Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM)	51	21.9
Pandu Puteri Kadet (PPK)	51	21.9
Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM)	48	20.6
Persatuan Puteri Islam Malaysia (PPIM)	36	15.4
Kadet Remaja Sekolah (KRS)	47	20.2
Jumlah	233	100.0

Jadual 3 menunjukkan jumlah responden seramai 233 orang pelajar dari PISMP Ambilan Jun 2020 mengikut taburan bilangan pelajar yang memilih lima Unit Beruniform. Dapatan kajian menunjukkan 51 ahli (21.9%) daripada Unit Beruniform Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM), 51 ahli (21.9%) daripada Unit Beruniform Pandu Puteri Kadet (PPK), 48 ahli (20.6%) daripada Unit Beruniform Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), 36 ahli (15.4%) daripada Unit Beruniform Persatuan Puteri Islam Malaysia (PPIM) dan 47 ahli (20.2) Kadet Remaja Sekolah (KRS) telah memberi respons kajian.

## DAPATAN KAJIAN

### Analisis Deskriptif Bahagian A: Penguasaan Ilmu Pengetahuan Asas UB

Jadual 4: A Penguasaan Ilmu Pengetahuan Asas UB

Bil	Soalan	ST B (%)	TB (%)	SB (%)	B (%)	SB (%)	Min	SP	Tahap Penguasaan
A	<b>Penguasaan ilmu pengetahuan</b>								
A1	Saya dapat menguasai ilmu pengetahuan Kokurikulum UB melalui pelaksanaan PDPR dalam talian	0 (0.00)	5 (2.10)	10 (4.3)	100 (42.9)	118 (50.6)	4.4 2	0.67 8	Sangat Berkesan
A2	Saya dapat menguasai ilmu pengetahuan berkaitan perlembagaan	1 (0.4)	1 (0.4)	21 (9.0)	105 (45.1)	105 (45.1)	4.3 4	0.69 5	Sangat Berkesan
A3	Saya dapat menguasai ilmu pengetahuan sejarah UB	0 (0.0)	5 (2.1)	20 (8.6)	97 (41.6)	111 (47.6)	4.3 5	0.72 8	Sangat Berkesan
A4	Saya dapat menguasai ilmu pengetahuan struktur dan organisasi UB.	0 (0.0)	4 (1.7)	11 (4.7)	102 (43.8)	116 (49.8)	4.4 2	0.66 5	Sangat Berkesan
A5	Saya dapat menguasai ilmu pengurusan dan pentadbiran UB	0 (0.0)	4 (1.7)	15 (6.4)	100 (42.9)	114 (48.9)	4.3 9	0.68 7	Sangat Berkesan
	<b>Bahagian A : Penguasaan Ilmu Pengetahuan Asas UB</b>	<b>1 (0.09)</b>	<b>19 (1.63)</b>	<b>77 (6.61)</b>	<b>504 (43.26)</b>	<b>564 (48.41)</b>	<b>4.3 8</b>	<b>0.68 2</b>	<b>Sangat Berkesan</b>

Jadual 4 menunjukkan hasil dapatan mengenai tahap keberkesanan penguasaan ilmu pengetahuan asas UB dalam kalangan pelajar PISMP Ambilan Jun 2020, min keseluruhan adalah 4.38, di mana responden mempunyai penguasaan ilmu pengetahuan asas UB berkenaan dengan perlembagaan, sejarah perkembangan, struktur organisasi dan pengurusan serta pentadbiran kurikulum UB berada pada tahap sangat berkesan.

## Analisis Deskriptif Bahagian B: Penguasaan Kemahiran Amali UB

**Jadual 5: B Penguasaan Kemahiran Amali UB**

Bil	Soalan	STB (%)	TB (%)	SB (%)	B (%)	SB (%)	Min	SP	Tahap Penguasaan
B	<b>Perkemahan Dalam Talian</b>								
B1	Saya dapat mengaplikasikan Kemahiran Kepemimpinan dalam penganjuran perkhemahan UB dalam talian	0 (0.0)	5 (2.2)	22 (9.4)	104 (44.6)	102 (43.8)	4.30	0.728	Sangat Berkesan
B2	Saya dapat mengaplikasikan Kemahiran pengurusan perkhemahan UB dalam talian.	1 (0.4)	5 (2.2)	19 (8.2)	98 (42.1)	110 (47.2)	4.33	0.754	Sangat Berkesan
B3	Saya dapat mengapikasi Kemahiran persiapan perkhemahan UB dalam talian.	1 (0.4)	6 (2.6)	15 (6.4)	92 (39.5)	119 (51.1)	4.38	0.757	Sangat Berkesan
B4	Saya dapat mengaplikasikan kemahiran pelaksanaan perkhemahan UB dalam talian	1 (0.4)	8 (3.4)	15 (6.4)	92 (39.5)	117 (50.2)	4.36	0.786	Sangat Berkesan
B5	Saya berkeyakinan untuk melaksanakan pengurusan perkhemahan dalam situasi sebenar setelah menyertai perkhemahan UB dalam talian.	2 (0.9)	8 (3.4)	39 (16.7)	86 (36.9)	98 (42.1)	4.16	0.884	Berkesan
							<b>4.31</b>	<b>0.766</b>	<b>Sangat Berkesan</b>
	<b>Mendapat Kemahiran Baharu Melalui Pelaksanaan PdPR</b>								
B6	Saya dapat menguasai kemahiran ikatan dan simpulan melalui pelaksanaan PdPR Kokurikulum UB dalam talian.	0 (0.0)	4 (1.7)	17 (7.3)	72 (30.9)	140 (60.1)	4.49	0.708	Sangat Berkesan
B7	Saya dapat menguasai kemahiran Asas Pertolongan Cemas melalui pelaksanaan PdPR Kokurikulum UB dalam talian.	0 (0.0)	4 (1.7)	19 (8.2)	81 (34.8)	129 (55.4)	4.44	0.717	Sangat Berkesan
B8	Saya dapat menguasai kemahiran ikhtiar hidup iaitu masakan rimba melalui pelaksanaan PdPR Kokurikulum UB dalam talian.	1 (0.4)	5 (2.2)	14 (6.0)	100 (42.9)	113 (48.5)	4.37	0.732	Sangat Berkesan

B9	Saya dapat menguasai kemahiran untuk membina gajet melalui pelaksanaan PdPR Kokurikulum UB dalam talian.	0 (0.0)	4 (1.7)	21 (9.0)	98 (42.1)	110 (47.2)	4.35	0.716	Sangat Berkesan
B10	Saya dapat menguasai kemahiran kawad kaki melalui pelaksanaan PdPR Kokurikulum UB dalam talian.	2 (0.9)	7 (3.0)	26 (11.2)	88 (37.8)	110 (47.2)	4.27	0.842	Sangat Berkesan
							4.31	0.747	Sangat Berkesan
	<b>Bahagian B: Penguasaan Kemahiran Amali UB</b>	<b>8 (0.3)</b>	<b>56 (2.4)</b>	<b>207 (8.9)</b>	<b>911 (39.1)</b>	<b>1148 (49.27)</b>	4.35	0.726	Sangat Berkesan

Jadual 5 menunjukkan hasil dapatan mengenai keberkesanan penguasaan kemahiran amali UB secara dalam talian bagi dua aspek yang dikaji. Min aspek penguasaan Kemahiran Perkhemahan Dalam Talian (4.31) dan min aspek Kemahiran Baharu yang diperolehi melalui pelaksanaan PdPR (4.31). Kedua-dua aspek yang dikaji berada pada tahap sangat berkesan. Dapatan keseluruhan bagi Bahagian B iaitu Penguasaan Kemahiran Amali UB secara dalam talian dengan min keseluruhan 4.35 berada pada tahap yang sangat berkesan. Namun skor min (4.16) bagi soalan B5 pelajar berkeyakinan untuk melaksanakan pengurusan perkhemahan dalam situasi sebenar setelah menyertai perkhemahan UB dalam talian berada pada tahap berkesan.

### Analisis Deskriptif Bahagian C: Amalan Pelaksanaan UB Dalam Talian

Jadual 6: C Amalan Pelaksanaan UB Dalam Talian

Bil	Soalan	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	SP	Tahap Perse-tujuan
C	<b>Amalan Pelaksanan UB Dalam Talian</b>								
	<b>Pengurusan Diri</b>								
	<b>Kehadiran &amp; Komunikasi (Amalan)</b>								
C1	Saya dapat menghadiri interaksi UB dalam talian yang telah ditetapkan oleh pensyarah.	0 (0.0)	0 (0.0)	13 (5.6)	41 (17.6)	179 (76.8)	4.71	0.564	Sangat Setuju
C2	Saya dapat menghadiri interaksi UB dalam talian tepat pada waktu yang ditetapkan.	0 (0.0)	3 (1.3)	17 (7.3)	60 (25.8)	153 (65.7)	4.56	0.687	Sangat Setuju

C3	Saya dapat menghadiri slot-slot perkhemahan dalam talian yang telah ditetapkan seperti dalam jadual.	0 (0.0)	3 (1.3)	15 (6.4)	44 (18.9)	171 (73.4)	4.64	0.661	Sangat Setuju
C4	Saya melibatkan diri secara aktif semasa interaksi UB dalam talian.	0 (0.0)	4 (1.7)	18 (7.7)	80 (34.3)	131 (56.2)	4.45	0.712	Sangat Setuju
C5	Saya dapat berkomunikasi dengan baik bersama ahli patrol /ahli kumpulan semasa interaksi dan perkhemahan dalam talian.	0 (0.0)	4 (1.7)	10 (4.3)	62 (26.6)	157 (67.4)	4.60	0.657	Sangat Setuju
							4.59	0.663	Sangat Setuju
	<b>Arahan &amp; Bimbingan</b>								
C6	Saya telah dibimbing oleh pensyarah untuk mendapat ilmu pengetahuan UB melalui sesi PdPR dalam talian.	0 (0.0)	3 (1.3)	7 (3.0)	44 (18.9)	179 (76.8)	4.71	0.586	Sangat Setuju
C7	Saya tidak menghadapi kesukaran melaksanakan PdPR dalam talian bersama-sama pensyarah.	4 (1.7)	22 (9.4)	37 (15.9)	79 (33.9)	91 (39.1)	3.99	1.042	Setuju
C8	Saya mendapat arahan yang jelas semasa melaksanakan tugas UB dalam talian.	0 (0.0)	4 (1.7)	11 (4.7)	67 (28.8)	151 (64.8)	4.57	0.667	Sangat Setuju
C9	Saya mendapat arahan yang jelas tentang pelaksanaan perkhemahan UB dalam talian.	0 (0.0)	4 (1.7)	9 (3.9)	63 (27.0)	157 (67.4)	4.60	0.650	Sangat Setuju
C10	Saya telah dibimbing oleh pensyarah dalam kepimpinan, persiapan dan pengurusan perkhemahan UB.	0 (0.0)	2 (0.9)	10 (4.3)	47 (20.2)	174 (74.7)	4.69	0.595	Sangat Setuju
							4.51	0.756	Sangat Setuju
	<b>Minat Dan Motivasi</b>								
C11	Saya bermotivasi untuk melibatkan diri dalam sesi interaksi PdPR UB yang dilaksanakan.	1 (0.4)	4 (1.7)	14 (6.0)	72 (30.9)	142 (60.9)	4.50	0.726	Sangat Setuju
C12	Saya berminat menyertai PdPR UB dalam talian .	3 (1.3)	11 (4.7)	29 (12.5)	60 (25.8)	130 (55.8)	4.30	0.949	Sangat Setuju

C13	Saya bermotivasi untuk menyiapkan tugas UB dalam talian.	0 (0.0)	11 (4.7)	15 (6.4)	78 (33.5)	129 (55.4)	4.39	0.80 9	Sangat Setuju
C14	Saya berasa seronok menyertai perkhemahan UB dalam talian.	2 (0.9)	8 (3.4)	25 (10.7)	63 (27.0)	135 (57.9)	4.38	0.87 3	Sangat Setuju
C15	Saya ingin menyertai perkhemahan dalam situasi sebenar.	1 (0.4)	4 (1.7)	18 (7.7)	49 (21.0)	161 (69.1)	4.57	0.74 6	Sangat Setuju
							<b>4.43</b>	<b>0.82 9</b>	<b>Sangat Setuju</b>
	<b>Bahagian: C Amalan Pelaksanaan UB Dalam Talian</b>	<b>11 (0.3)</b>	<b>87 (2.5)</b>	<b>248 (7.1)</b>	<b>909 (26.0)</b>	<b>1148 (49.27)</b>	<b>4.51</b>	<b>0.72 8</b>	<b>Sangat Setuju</b>

Jadual 6 menunjukkan hasil dapatan mengenai Amalan Pelaksanaan UB Dalam Talian yang dikaji. Min aspek Kehadiran & Komunikasi (Amalan)(4.59) , min aspek Arahan & Bimbingan (4.51) dan min aspek Minat Dan Motivasi (4.43). Dapatan keseluruhan bagi Bahagian C iaitu persetujuan Amalan Pelaksanaan UB Dalam Talian dengan min 4.51 berada pada tahap sangat setuju (Tinggi). Namun skor min 3.99 soalan C7 dalam aspek tidak menghadapi kesukaran melaksanakan PdPR bersama dengan pensyarah berada pada tahap setuju.

### Analisis Deskriptif Bahagian D: Isu Dan Cabaran Melaksanakan PDPR Dalam Talian

Jadual 7: D Isu Dan Cabaran Melaksanakan PDPR Dalam Talian

Bil	Soalan	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	SP	Tahap Perse-tujuan
D	<b>Isu Dan Cabaran</b>								
	<b>Pengurusan Diri</b>								
D1	Saya mengikuti kursus sepenuhnya sepanjang PdPR berlangsung.	16 (6.9)	7 (3.0)	5 (2.2)	26 (11.2)	179 (76.8)	4.40	1.141	Sangat Setuju
D2	Saya mempunyai masa yang mencukupi untuk melaksanakan PdPR dalam talian seperti yang dirancang.	1 (0.4)	9 (3.9)	39 (16.7)	86 (36.9)	98 (42.1)	4.16	0.870	Setuju
D3	Saya dapat menyesuaikan diri apabila menghadapi situasi baharu dalam melaksanakan PdPR dalam talian.	0 (0.0)	4 (1.7)	20 (8.6)	98 (42.1)	111 (47.6)	4.36	0.711	Sangat Setuju

D4	Saya telah membina hubungan yang baik dengan pensyarah sepanjang pelaksanaan PdPR dalam talian.	0 (0.0)	3 (1.3)	20 (8.6)	89 (38.2)	121 (51.9)	4.41	0.702	Sangat Setuju
D5	Saya telah meningkatkan pembelajaran sendiri dalam menyiapkan tugas Kukurikulum UB.	0 (0.0)	3 (1.3)	9 (3.9)	74 (31.8)	147 (63.1)	4.57	0.634	Sangat Setuju
	<b>Bimbingan Pensyarah</b>						<b>4.38</b>	<b>1.418</b>	<b>Sangat Setuju</b>
D6	Saya mendapat bimbingan untuk berfikir secara kritis semasa mengikuti PdPR UB dalam talian.	0 (0.0)	4 (1.7)	10 (4.3)	82 (35.2)	137 (58.8)	4.51	0.664	Sangat Setuju
D7	Saya mendapat bimbingan untuk membentuk jati diri yang berkualiti semasa mengikuti PdPR UB dalam talian.	0 (0.0)	2 (0.9)	11 (4.7)	78 (33.5)	142 (60.9)	4.55	0.629	Sangat Setuju
D8	Saya mendapat bimbingan kemahiran kepemimpinan dalam pengurusan dan persiapan perkhemahan UB dalam talian.	0 (0.0)	2 (0.9)	9 (3.9)	82 (35.2)	140 (60.1)	4.55	0.615	Sangat Setuju
D9	Saya mendapat bimbingan melaksanakan tugas UB dalam talian.	0 (0.0)	4 (1.7)	9 (3.9)	72 (30.9)	148 (63.5)	4.56	0.654	Sangat Setuju
D10	Saya mudah mendapatkan sumber rujukan UB dari pelantar GC yang disediakan oleh pensyarah.	0 (0.0)	2 (0.9)	7 (3.0)	82 (35.2)	142 (60.9)	4.56	0.599	Sangat Setuju
							<b>4.56</b>	<b>0.632</b>	<b>Sangat Setuju</b>
	<b>Capaian Internet Dan Kemudahan IT</b>								
D11	Saya mudah mendapat akses talian semasa PdPR dilaksanakan dalam talian.	5 (2.2)	13 (5.6)	42 (18.0)	72 (30.9)	101 (43.4)	4.08	1.014	Setuju
D12	Saya tidak mempunyai masalah kewangan untuk melanggan data internet.	4 (1.7)	21 (9.0)	47 (20.2)	72 (30.9)	89 (38.2)	3.95	1.049	Setuju

D1 3	Saya mempunyai gajet / device (HP, laptop, desktop) yang sesuai untuk menyertai PdPR UB.	0 (0.0)	3 (1.3)	20 (8.6)	63 (27.0)	147 (63.1)	4.52	0.708	Sangat Setuju
							4.18	0.966	Setuju
	<b>Bahagian D: Isu Dan Cabaran Melaksanakan PDPR Dalam Talian</b>	<b>189 (6.2)</b>	<b>96 (3.2)</b>	<b>248 (8.2)</b>	<b>957 (31.6)</b>	<b>1539 (50.8)</b>	<b>4.41</b>	<b>0.769</b>	<b>Sangat Setuju</b>

Jadual 7 menunjukkan hasil dapatan mengenai Isu Dan Cabaran Melaksanakan PdPR Dalam Talian. Min aspek Pengurusan Diri (4.38), min aspek Bimbingan Pensyarah (4.56) dan min aspek Capaian Internet dan Kemudahan IT (4.18). Dapatan keseluruhan bagi Bahagian D iaitu persetujuan Isu Dan Cabaran Melaksanakan PdPR Dalam Talian dengan min keseluruhan ialah 4.41 berada pada tahap sangat setuju (Tinggi). Namun bagi aspek isu dan cabaran Capaian Internet Dan Kemudahan IT berada pada tahap setuju (4.18). Dapatan kajian soalan D11 iaitu masalah kemudahan mendapat akses talian mencatat skor min (4.08) berada pada tahap setuju dan aspek kewangan mendapat skor min yang paling rendah iaitu 3.95 berada pada tahap setuju.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian bagi Bahagian A iaitu tahap Penguasaan Ilmu Pengetahuan Asas UB secara Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian dengan min (4.38) berada pada tahap sangat tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan responden dapat mengikut pembelajaran dalam talian dengan sangat berkesan.

Hasil dapatan keseluruhan bagi Bahagian B iaitu tahap Penguasaan Kemahiran Amali UB secara Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian ialah min (4.35) berada pada tahap sangat berkesan. Responden mencapai penguasaan yang sangat tinggi dalam kedua-dua aspek yang dikaji iaitu Perkhemahan Dalam Talian (4.31) dan Kemahiran Baru yang Diperolehi (4.31). Walau bagaimanapun, soalan B5 Pelajar berkeyakinan untuk melaksanakan pengurusan perkhemahan dalam situasi setelah menyertai perkhemahan UB dalam talian berada pada tahap berkesan (4.16). Oleh kerana pelajar tidak mengalami situasi sebenar Perkhemah UB menyebabkan kurang keyakinan dalam pengurusan perkhemahan. Cadangan adalah baik sekiranya pihak institut dapat memberi peluang perkhemahan sebenar kepada para pelajar untuk mengukuhkan pengetahuan dan keyakinan mereka.

Hasil dapatan keseluruhan Bahagian C iaitu tahap Amalan Pelaksanaan UB Dalam Talian ialah min (4.51) berada pada tahap sangat tinggi. Responden memberi persetujuan yang sangat tinggi dalam ketiga-tiga aspek yang dikaji iaitu Kehadiran & komunikasi (4.59), Arahan & Bimbingan (4.51) serta Minat dan motivasi (4.43). Walau bagaimanapun, soalan C7 dalam aspek arahan dan bimbingan dari segi menghadapi kesukaran melaksanakan PdPR dalam talian bersama-sama pensyarah (3.99) berada pada tahap berkesan perlu diberi perhatian dengan meningkatkan komunikasi antara responden dengan pensyarah.

Hasil dapatan keseluruhan Bahagian D iaitu Isu Dan Cabaran Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian ialah min (4.41) berada pada tahap yang sangat tinggi. Responden memberi persetujuan yang sangat tinggi dalam aspek Pengurusan Diri (4.38) dan Bimbingan Pensyarah (4.56). Responden memberi persetujuan tinggi dalam aspek Capaian Internet dan Kemudahan IT (4.18). Walau bagaimanapun, dalam aspek Internet dan kemudahan IT, soalan D11 responden menyatakan mereka menghadapi sedikit masalah dalam mengakses internet (4.08) dan soalan D12 pelajar menghadapi sedikit kekangan dari segi kewangan untuk melanggan data internet (3.95). Dengan harapan kerajaan akan meluaskan liputan internet, meningkatkan kualiti internet dan menurunkan bayaran langganan internet agar semua pelajar mampu melanggan internet dengan senang hati. Semoga usaha kerajaan akan memanfaatkan penuntut-penuntut pengajian tinggi. Pada keseluruhannya, hasil dapatan ini menunjukkan responden tidak menghadapi masalah besar semasa mengikut pembelajaran UB secara dalam talian.

## RUJUKAN

- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2012). *Buku Panduan Akademik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian (PISMP) Sesi 2017/2018*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Cyberjaya.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2015). *Ringkasan Maklumat Kursus MPU3062 Kokurikulum – Unit Beruniform*, (Berkuat kuasa mulai Jun 2015, Kemas Kini Jun 2021).
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2016). *Dasar TMK Institut Pendidikan Guru*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Cyberaya.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2018). *Dasar Akademik Institut Pendidikan Guru*. Kementerian Pendidikan Malaysian: Cyberjaya.

- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2022). *Buku Panduan Pentaksiran*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Cyberjaya Selangor.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2010). *Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) Untuk Institusi Pengajian Tinggi*  
<https://www.researchgate.net/publication/309012328>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya Malaysia.
- Mad Noor Bin Mad Japuni. & Mohd Hanifah bin Yusof. (2012). E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Teknologi Maklumat & Komunikasi IPG Kampus Tawau.  
<http://www.fb.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/7.pdf>
- Siti Azura Abu Hassan, Suzana Zainol Abidin & Zulkurnain Hassan. (2021). *Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat*. <http://journal.ump.edu.my/ijhtc>
- Stankey, J.C., & Hop, K.D. (1972). *Educational and psychological measurement and evaluation*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Universiti Kebangsaan Malaysia. (2010). *e-pembelajaran di IPTA Malaysia*. Pusat Perbanguan Akademik: Selangor.
- Yusup Hshim (2012). *Penggunaan e-Pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan* Oktober 2012.  
<https://www.researchgate.net/publication/282642078>.